

Yang di-Pertuan Agong Dan Permaisuri Agong Hadiri Majlis Santapan Konvokesyen MSU
Bernama
08 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan menghadiri majlis santapan sempena konvokesyen Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) di sini Ahad malam.

Keberangkatan baginda berdua disambut Presiden MSU Datuk Wira Mohd Shukri Ab Yajid dan Pro-Canselor universiti itu, Tan Sri Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Tuanku Hajah Haminah merupakan Canselor MSU.

Pada majlis itu, baginda berdua menyempurnakan upacara memotong kek sempena konvokesyen ke-11 universiti tersebut.

Baginda berdua serta hadirin disajikan dengan persembahan kebudayaan penari Istana Budaya serta penyanyi terkenal tanah air Jamal Abdillah dan Ziana Zain.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678975>